

TK/TM/TU/TH4172 SPESIFIKASI REKA BENTUK (D3)

PENGENALAN

Berikan gambaran keseluruhan dokumen:

- Huraikan tujuan dokumen ini.
- Huraikan skop dokumen ini.
- Kaitkan dokumen ini dengan dokumen lain yang berkaitan:
 - ✓ Dokumen yang menyediakan latar belakang dan/atau konteks untuk dokumen ini (contoh Rancangan Projek/Cadangan, Spesifikasi Keperluan).
- Tentukan sebarang istilah, akronim atau singkatan penting.

REKA BENTUK SENIBINA

- Kenal pasti dan terangkan reka bentuk senibina yang sesuai untuk digunakan bagi membangunkan sistem (contoh *Layered*, *Model-View-Controller*, *Repository*, *Client-Server*, *Pipe-Filter* dan lain-lain).
- Huraikan modul/sub-sistem dan hubungannya dengan menggunakan rajah yang sesuai (contohnya Carta Hirarki Modul/Carta Struktur dan lain-lain).
- Bagi projek dalam bidang rangkaian, kenal pasti dan terangkan reka bentuk topologi rangkaian yang sesuai digunakan bagi membangunkan system (Topologi logikal dan fizikal – perkakasan, alamat MAC, alamat IP dan sebagainya).

REKA BENTUK PANGKALAN DATA (Jika berkaitan)

- Rajah Kelas (untuk pendekatan berorientasikan objek) ATAU Rajah Hubungan Entiti (untuk pendekatan analisis berstruktur).
- Kamus Data untuk menyenaraikan atribut setiap entiti ATAU kelas.

REKA BENTUK ALGORITMA

- Bentukkan algoritma yang diguna untuk menyediakan fungsi sistem (contoh kod pseudo, jadual keputusan/pokok, carta alir sistem/aturcara).
- Huraikan tingkah laku sistem, jika ada (seperti rajah *Statechart* atau Rajah Jujukan interaksi antara objek untuk pendekatan berorientasikan objek).

REKA BENTUK ANTARA MUKA

- Lakarkan antara muka pengguna menggunakan fideliti rendah (iaitu prototaip berasaskan kad) atau prototaip fideliti tinggi (seperti *Macromedia Director/Visual Basic/MS PowerPoint* dan lain-lain).
- Reka antara muka sistem antara modul/sub-sistem.
- Papan cerita untuk menggambarkan UI/UX bagi sistem multimedia.

Nota: Reka bentuk yang diperlukan bergantung pada penyelesaian yang dicadang dan bidang masing-masing. Guna mengikut keperluan. Rujuk Ketua Program untuk maklumat lanjut.

KESIMPULAN

- Beri ringkasan kandungan D3.

RUJUKAN

- Senaraikan sumber maklumat yang menyokong cadangan (iaitu buku, keratan akhbar, kertas persidangan dan artikel jurnal, portal web dan lain-lain).
- Gunakan format rujukan Gaya UKM.

SERAHAN:

- Hantar salinan keras dan/atau lembut kepada penyelia.
- Muat naik salinan lembut ke SPID.